

06 Pelbagai dasar pertingkat kualiti air untuk rakyat

BEKALAN air bersih adalah keperluan dan kerajaan terpaksa berbelanja besar untuk membina empangan, merawat loji air dan menyediakan sistem penyambungan paip ke rumah. Bagaimanapun, kerana pentadbiran berhubung bekalan air masih di bawah kebanyakan kerajaan negeri, kerajaan Pusat menghadapi masalah menyeragamkan pengurusan agensi itu dalam usahanya memastikan mutu, kadar bayaran dan kos penyelenggaraan yang lebih baik. Hakikat bahawa kerajaan negeri gagal menguruskan bekalan air bersih secara berkesan boleh dilihat daripada senarai hutang dengan Kerajaan Pusat. Menurut Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik kelmarin, kerajaan negeri masih mempunyai hutang tertunggak RM7.5 bilion kerana kegagalan membayar balik pinjaman dalam tempoh ditetapkan. Bagi mengatasi pelbagai masalah berkaitan bekalan air, kerajaan mewujudkan Rang Undang-Undang Industri Perkhidmatan Air (IPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 April lalu. Rang Undang-Undang IPA digubal untuk menetapkan dasar dan hala tuju pembangunan industri perkhidmatan air negara secara menyeluruh, manakala Rang Undang-Undang SPAN merintis jalan ke arah penubuhan badan kawal industri pada peringkat kebangsaan.

Dua rang undang-undang ini akan membolehkan kerajaan menubuhkan Pengurusan Aset Air Sendirian Berhad (PAASB), syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Diperbadankan yang akan membiayai pembinaan infrastruktur perkhidmatan bekalan air, kecuali empangan. Melalui cara ini, pihak operator tidak dibebankan dengan obligasi untuk membangunkan aset bekalan air, sebaliknya dapat menumpukan perhatian kepada aspek operasi dan penyelenggaraan air saja. Menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Perdana Menteri juga mengumumkan peruntukan RM1 bilion bagi menangani dan mengatasi masalah bekalan air yang dihadapi penduduk luar bandar. Ini membuktikan keprihatinan kerajaan bagi memastikan rakyat menikmati kemudahan asas itu bagi meningkatkan tahap dan kualiti hidup mereka.

Apa pun, setiap negeri ada masalah tersendiri untuk mendapatkan sumber bekalan air dan pembinaan loji. Kita mengambil contoh keupayaan membekalkan air bersih bagi penduduk Lembah Klang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang meningkat kepada 1,500 juta liter air sehari (mld) untuk tempoh tahun depan hingga 2010. Keperluan ini dikira mendesak memandangkan Selangor dijangka menghadapi masalah kekurangan bekalan air tahun depan berikutan projek bekalan air Fasa 3 Sungai Selangor kini mencapai tahap maksimum. Cadangan melaksanakan Projek Penyaluran Air Pahang-Selangor adalah cara terbaik mengatasi masalah itu. Lembangan Sungai Pahang mempunyai kapasiti membekalkan air mentah yang banyak iaitu 6,661 mld.

Bagaimanapun, rakyat sentiasa memerlukan bekalan air bersih yang mencukupi. Untuk itu kerajaan merancang beberapa dasar membabitkan sumber mendapatkan air, peningkatan kualiti air dan pengurusan permintaan yang kian bertambah. Antaranya, mengganti paip lama jenis simen asbestos sepanjang 4,245 kilometer dengan kos dianggarkan RM2.3 bilion menerusi RMK-9, memantau bekalan kepada pengguna berpandukan Piawaian Kualiti Air Minuman Kebangsaan (PKAMK) dan menggunakan teknologi terkini bagi projek rawatan air dan kumbahan bagi menggantikan teknik konvensional. Namun, sebagai pengguna, kita harus bijak menggunakan air. Mulai sekarang gunalah air secara berhemah, sekali gus mengelakkan kita dibebani bil yang tinggi setiap bulan.